

CNS8627

U PB 04-11 00212 XA028

AAB DEM

Mahathir - Ghafar

MAHATHIR TERHUTANG BUDI PADA GHAFAR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa terhutang budinya kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba kerana khidmat dan jasanya kepada UMNO dan kerajaan.

Beliau sedih dengan keputusan Ghafar memilih untuk meletakkan semua jawatan dalam kerajaan dan parti setelah menyumbangkan tenaga dan fikiran sejak sekian lama.

"Bagi pihak diri saya, Majlis Tertinggi dan semua anggota UMNO, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Encik Ghafar kerana khidmat dan jasanya itu," kata Dr Mahathir ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1993, di sini.

Penumpuan penghargaannya kepada Ghafar itu ketara dalam ucapan Dr Mahathir selama kira-kira sejam itu.

Ghafar meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 15 Okt, Setiausaha Agung Barisan Nasional, 25 Okt dan Timbalan Presiden UMNO serta sekali gus menarik diri daripada mempertahankan jawatan itu pada 30 Okt lepas. Sebelum itu beliau juga meletak jawatan sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Sabah.

Semua keputusan itu diambil setelah beliau hanya memperolehi tujuh pencalonan daripada 153 bahagian UMNO bagi mempertahankan jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan kali ini berbanding dengan pencabarnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperolehi 145 pencalonan. -- Lagi.

AM KAM.

04/11/11-50MST

U PB 04-11 00116 XA029

AAB DEM

Mahathir - Ghafar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, Ghafar telah menyumbangkan tenaga dan fikiran kepada parti sejak ia ditubuhkan dan telah memegang jawatan Naib Presiden UMNO selama 25 tahun, satu rekod bagi seorang pemimpin.

Selepas itu beliau memegang pula jawatan Timbalan Presiden.

"Saya amat terhutang budi kepada Ghafar kerana telah sanggup memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila Datuk Musa Hitam melepaskan jawatan itu pada tahun 1986.

"Sokongan dan kerjasama beliau menolong saya dan parti mengatasi krisis dan pengharaman UMNO pada tahun 1988," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mendoakan agar Ghafar berjaya dalam apa juga kegiatannya selepas ini. -- Bernama.

AM KAM.